



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2021 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|--|----|
| - Selangor, Kuala Lumpur, Johor lokasi panas jenayah scammer | 4 |
| - 3 Daerah paling terkesan | 10 |

KOSMO

- | | |
|-------------------------------------|---|
| - Operasi kedai makan hingga 6 pagi | 4 |
|-------------------------------------|---|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2021 (SELASA)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Selangor, Kuala Lumpur, Johor lokasi panas jenayah scammer
Muka Surat	4

Selangor, KL, Johor lokasi panas jenayah scammer

5,078 kes
penipuan dilapor
dalam tempoh
3 bulan pertama
tahun ini

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Sungai Petani: Tiga negeri - Selangor, Kuala Lumpur dan Johor - dikenal pasti sebagai lokasi panas kes penipuan scammer bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yaacob, mendedahkan Selangor mere-

BA 13/4/2021 ms 4
kodkan kes tertinggi penipuan siber iaitu 1,050 kes, diikuti Kuala Lumpur (615) dan Johor (497) setakat 31 Mac lalu.

Jenayah scammer membabitkan pelbagai kes penipuan dalam talian, termasuk Macau Scam, Love Scam dan penipuan bomoh, khidmat pesanan ringkas (SMS), tanah, kad kredit, penyamaran, perniagaan serta pinjaman tidak wujud.

"Ia adalah sebahagian daripada jumlah keseluruhan 5,078 kes penipuan dalam talian yang dilaporkan di seluruh negara sepanjang tempoh tiga bulan.

"Malah, jumlah kes penipuan scammer menunjukkan peningkatan daripada 13,568 kes pada 2018 kepada 14,245 (2019) dan 17,553 (2020)," katanya selepas merasmikan ibu pejabat baharu Polis Daerah (IPD) Kuala Muda, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Polis Kedah, Datuk Hasanuddin Hassan dan Timbalannya, Datuk Mohd Roze Shaari.

Zainuddin berkata, dari segi tangkapan, seramai 13,645 individu ditahan pada 2018, manakala 2019 pula 13,835 dan 15,440 tahun lalu.

Beliau berkata, bagi Kedah, empat daerah merekodkan kes penipuan terbanyak dalam tempoh sama iaitu Kuala Muda, Kota Setar, Kubang Pasu dan Kulim.

Kuala Muda mencatat 1,079 kes membabitkan kerugian berjumlah RM41.5 juta sejak 2018 hingga Mac lalu.

Justeru, beliau menasihati orang ramai supaya berwaspada atau mengelak daripada menjawab sebarang panggilan telefon daripada nombor yang tidak dikenali.

"Mereka (scammer) akan men-



Zainuddin (kanan) bersama Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner, Adzli Abu Shah pada majlis perasmian Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda di Sungai Petani, semalam. (Foto BERNAMA)

cari mangsa yang dirasakan boleh ditipu. Biasanya, mangsa terbahit bukanlah daripada golongan biasa, tetapi profesional seperti doktor, peguam dan ahli perniagaan," katanya.

Zainuddin juga memberi amaran kepada orang ramai supaya tidak mengambil kesempatan mewujudkan pelaburan dengan konsep seperti 'Pak Man Telo' yang akhirnya mengakibatkan

kerugian terhadap pelabur.

"Kita juga jangan mudah memberi kata laluan atau dokumen diri kepada pihak tidak dikenali bagi mengelak dijadikan mangsa penipuan," katanya.

Bagi mereka yang mengesyaki sebarang jenayah penipuan, katanya, boleh menghubungi polis atau membuat semakan dalam laman sesawang Jabatan Siasatan Jenayah Komersial.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 APRIL 2021 (SELASA)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	3 Daerah paling terkesan
Muka Surat	10

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Puchong

Pandemik Covid-19 ternyata memberi impak kepada warga Selangor apabila 5,000 asnaf didaftarkan tahun lalu.

Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf Lembaga Zakat Selangor (LZS) Abdul Basith Hamid berkata, asnaf yang didaftarkan terkesan berikutan peningkatan kos sara hidup selain pengurangan pendapatan secara

3 daerah paling terkesan

Klang, Petaling dan Hulu Langat rekod jumlah penerima tertinggi bantuan zakat

mendadak.

Menurutnya, Klang, Petaling dan Hulu Langat antara tiga daerah di Selangor yang merekodkan jumlah penerima bantuan zakat tertinggi.

Beliau berkata, tiga kawasan itu menjadi lubuk ekonomi di Selangor dan tumpuan orang ramai bekerja

namun bergelut dengan kos sara hidup tinggi.

"Penerima dikategorikan sebagai miskin bandar kerana tinggal di lokasi yang memiliki sektor perindustrian, pentadbiran dan perniagaan menyebabkan kos hidup juga tinggi.

"Tahun lalu, LZS mendaftarkan 5,000 asnaf dan me-



Tahun lalu, LZS mendaftarkan 5,000 asnaf dan mereka golongan terjejas akibat Covid-19"

Abdul Basith

reka golongan terjejas akibat Covid-19," katanya selepas Majlis Serahan Bantuan Ramadan dan Raya LZS 2021 di sini, semalam.

Menurutnya, tahun ini LZS menyalurkan RM28 juta bantuan zakat kepada asnaf fakir, miskin dan muafak.

"Zakat individu, perniagaan dan harta ini meningkat

tahun lalu dan membolehkan ramai asnaf fakir, miskin dan muafak dibantu," katanya.

Beliau berkata, semakan status Bantuan Ramadan dan Raya 2021 boleh dibuat menerusi laman web, ezo.zakatselangor.com.my atau hubungi Talian Zakat Selangor 1300884343.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2021 (SELASA)

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Operasi kedai makan hingga 6 pagi
Muka Surat	4

Kebenaran dibuat bagi memudahkan orang ramai bersahur sepanjang Ramadan

Operasi kedai makan hingga 6 pagi

Oleh NUR HUDA MUSA

PETALING JAYA – Kerajaan semalam bersetuju untuk membenarkan semua restoran, warung, gerai, kedai makan, atau perkhidmatan penghantaran makanan melanjutkan operasi mereka sehingga selepas waktu sahur iaitu pukul 6 pagi.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira keperluan orang ramai untuk bersahur.

"Sebelum ini operasi kedai makan dihadkan sehingga pukul 12 tengah malam, atau mengikut syarat lesen yang dikeluarkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

"Jadi, ia menimbulkan kesukaran untuk mereka yang memerlukan makanan untuk bersahur," katanya dalam sidang akhbar Majlis Keselamatan Negara (MKN) semalam.

Bagaimanapun katanya, kebenaran itu terpakai sepanjang



KERAJAAN membenarkan premis makanan beroperasi sehingga pukul 6 pagi sepanjang bulan Ramadan. – GAMBAR HIASAN

Ramadan sahaja.

"Bagi kedai-kedai makan yang beroperasi di dalam pasar raya atau kompleks beli-belah, ianya mengikut waktu operasi pasar raya tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri memaklumkan, sidang khas juga bersetuju membenarkan pengajuran majlis berbuka puasa dengan pematuan prosedur operasi standard (SOP) yang

ditetapkan kerajaan.

"Mengenai bilangan kehadiran di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), jika buket Ramadan, maka kita membenarkan dengan syarat ada penjarakan fizikal antara pengunjung serta SOP susunan meja dipatuhi.

"Bagaimanapun, untuk majlis berbuka puasa sama ada di pejabat dan sebagainya di kawasan PKPB adalah 50 peratus daripada kapasiti sebenar manakala PKPP, 100 peratus tetapi mesti ada penjarakan fizikal," jelasnya.

Sidang khas semalam turut mengumumkan lima negeri iaitu Selangor, Johor, Pulau Pinang, Kelantan dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dikekalkan status Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Ismail Sabri berkata, keputusan itu dibuat selepas Kement-

rian Kesihatan (KKM) mengesahkan secara keseluruhannya status kes Covid-19 di kebanyakan negeri ketika ini menunjukkan trend tidak stabil serta R-Naught (Ro/Rt) yang semakin meningkat kepada 1.06.

"Pemantauan status kes mendapati trend tidak stabil dilihat berlaku di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Pahang dan Labuan serta tren meningkat di Kelantan dan Sarawak," katanya.

Sehubungan itu, katanya 10 lagi negeri iaitu Perlis, Kedah, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Sabah, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan pula kekal status Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

"Pengekalan status PKPB dan PKPP bagi negeri-negeri ini akan berkuat kuasa bermula 15 April ini sehingga 28 April kecuali Sarawak yang bermula hari ini, sehingga 26 April depan," tambah beliau.